



03 Jun 2015

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Business & Finance • Article type : News Item
Audience : 314,000 • Page: 6 • Printed Size: 89.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia
ASR: MYR 390 • Words: 215 • Item ID: 415721321

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

Page 1 of 2

MSM rancang kuasai pasaran Singapura

MSM Malaysia Holdings Bhd menyasarkan untuk menguasai pasaran pertengahan gula Singapura serta majoriti di Malaysia menerusi pembukaan kilang penapisnya di Tanjung Langsat, Johor.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata pembinaan kilang itu akan dimulakan Ogos tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh 20 hingga 22 bulan.

“Kilang penapis itu beroperasi sepenuhnya pertengahan 2017. Matlamat kami adalah untuk menguasai keseluruhan Singapura dan majoriti pasaran Malaysia pada tahun itu, jika tidak sepenuhnya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

MSM mengendalikan perniagaan gula milik FELDA Global Ventures Holdings Bhd. Pada masa ini, ia menguasai 18 peratus dan 20 peratus bahagian pasaran di Singapura serta 64 peratus di Malaysia.



03 Jun 2015

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Business & Finance • Article type : News Item
Audience : 314,000 • Page: 6 • Printed Size: 89.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia
ASR: MYR 390 • Words: 215 • Item ID: 415721321

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

Page 2 of 2

“
**Kilang penapis
di Tanjung
Langsat akan
dimulakan Ogos
tahun ini dan
dijangka siap
20 hingga
22 bulan”**
**Sheikh Awab
Sheikh Abod,**
Presiden dan Ketua
Pegawai Eksekutif
Kumpulan MSM